


KEMENTERIAN DALAM NEGERI

# DKKA



## **DASAR KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM**

KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM: TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Bahawasanya Malaysia adalah sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan sebagai teras pemerintahan negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Bahawasanya Malaysia sebagai sebuah negara berbilang etnik, agama dan budaya berusaha memupuk kesepaduan nasional berlandaskan prinsip Rukun Negara demi memelihara keamanan dan kesejahteraan rakyat.

Bahawasanya risiko keselamatan era globalisasi ke atas kestabilan Malaysia memerlukan pendekatan komprehensif dan strategik demi melindungi kedaulatan, kemerdekaan, ketenteraman awam serta ekonomi negara.

Maka, Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) digubal bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

Hakcipta  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI, MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam  
ISBN : 978-967-0100-06-7

Disediakan oleh:  
Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM)  
Kementerian Dalam Negeri  
Aras 7, Blok D1, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62546 PUTRAJAYA  
Tel : 03-8886 8582  
Faks : 03-8889 1676  
Website : [www.moha.gov.my](http://www.moha.gov.my)

Dicetak oleh:  
Arif Corporation Sdn. Bhd.  
No.42, Jalan Pengasah 15/13, Seksyen 15  
40200, Shah Alam, Selangor.  
Tel : 03-5513 7242 / 7244 / 7230  
Fax : 03-5511 1510



# KANDUNGAN

<b>PERUTUSAN PERDANA YAB TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD</b>	<b>ii</b>	Perdana Menteri Malaysia
<b>PERUTUSAN YB TAN SRI DATO' HJ. MUHYIDDIN BIN HJ. MOHD. YASSIN</b>	<b>iv</b>	Menteri Dalam Negeri
<b>PERUTUSAN YBHG. TAN SRI ALWI BIN HJ. IBRAHIM</b>	<b>vi</b>	Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri
<b>VISI, MISI, MOTTO DAN TERAS UTAMA KEMENTERIAN DALAM NEGERI</b>	<b>vii</b>	
<b>PENGENALAN</b>	<b>1</b>	
<b>TEMA</b>	<b>2</b>	Keselamatan dan Ketenteraman Awam: Tanggungjawab Bersama
<b>ILTIZAM</b>	<b>4</b>	
<b>MATLAMAT</b>	<b>4</b>	
<b>TERAS 1</b>	<b>6</b>	Mempertahankan Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Institusi Utama
<b>TERAS 2</b>	<b>8</b>	Meningkatkan Tadbir Urus dan Integriti Agensi Penguatkuasaan Keselamatan
<b>TERAS 3</b>	<b>10</b>	Memperkukuhkan Keselamatan Kawalan Sempadan Negara
<b>TERAS 4</b>	<b>12</b>	Menjamin Keselamatan dan Ketenteraman Awam
<b>TERAS 5</b>	<b>16</b>	Memerangi Gejala Dadah
<b>TERAS 6</b>	<b>18</b>	Melindungi Sasaran Penting dan Aset Kritikal Negara
<b>PELAKSANAAN DAN PENILAIAN</b>	<b>20</b>	
<b>PENUTUP</b>	<b>21</b>	

# PERUTUSAN PERDANA

YAB TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
PERDANA MENTERI MALAYSIA



**“... SEMUA PIHAK AKAN SAMA-SAMA BERTANGGUNGJAWAB BAGI MELAKSANAKAN DASAR INI DEMI MENJAGA KEAMANAN, PERPADUAN DAN KESEJAHTERAAN NEGARA.”**

**Bismillahirrahmannirrahim**  
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**  
**Salam Sejahtera**

Selain memastikan kesejahteraan ekonomi dan sosial rakyat di dalam negara terpelihara dengan baik, keselamatan dan ketenteraman awam merupakan satu lagi tanggungjawab penting kerajaan. Kerana itu usaha untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman awam dapat dipertahan dan dipertingkatkan menjadi keutamaan.

Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) telah disediakan supaya ada satu kerangka yang komprehensif yang mampu mencapai matlamat tersebut. Pelaksanaan DKKA diharap akan dapat menjamin kesejahteraan rakyat dan kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang aman, makmur, berdaulat dan dihormati di persada dunia.

Keupayaan negara untuk mempertahankan keselamatan dan ketenteraman awamnya akan memastikan lain-lain perancangan dan strategi pembangunan dapat dilaksana dengan lancar dan objektif-objektif yang digariskan dapat dicapai. Kerana itu juga DKKA menjadi komponen penting di dalam usaha kerajaan untuk merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana di atas segala limpah kurniaNya, negara kita masih kekal selamat dan sejahtera walaupun terdapat pelbagai cabaran yang perlu kita tempuhi. Kerajaan yakin selagi kita mampu mempertahankan keselamatan dan ketenteraman awam, apa juga cabaran yang kita hadapi akan dapat di atasi.

Saya ucap tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri dan Agensi-agensi di bawahnya di atas inisiatif merangka Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam. Saya harap semua pihak akan sama-sama bertanggungjawab bagi melaksanakan dasar ini demi menjaga keamanan, perpaduan dan kesejahteraan negara.

Dengan itu, keamanan pasti akan terpelihara, kemakmuran dan kesejahteraan akan menyusul. Apabila ini dicapai kita semua akan sama-sama dapat mengecapi nikmat dan rahmat yang Allah SWT limpahkan kepada kita.

Terima kasih.



Tun Dr. Mahathir bin Mohamad

## PERUTUSAN

YB TAN SRI DATO' HJ. MUHYIDDIN BIN HJ. MOHD. YASSIN  
MENTERI DALAM NEGERI



**“DALAM ERA GLOBALISASI YANG SEMAKIN MENCABAR DAN PERKEMBANGAN TEKNOLOGI BAHARU BERASASKAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0, RISIKO DAN ANCAMAN TERHADAP KESELAMATAN NEGARA KINI MENJADI SEMAKIN KOMPLEKS DAN MERENTASI SEMPADAN.”**

**Bismillahirrahmannirrahim**  
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**  
**Salam Sejahtera**

Saya ingin mengucapkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta keizinanNya, Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) telah berjaya dirangka.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sebagai kementerian yang bertanggungjawab menjaga keselamatan dan ketenteraman awam telah mengambil inisiatif merangka Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA). Dasar ini merupakan kajian semula dan penambahbaikan ke atas Dasar Keselamatan Dalam Negeri (DKDN) sebelum ini.

Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) meliputi teras dan strategi yang merupakan sebuah dasar yang bersifat holistik dan menjadi panduan dalam usaha kita menjamin keselamatan dan ketenteraman awam. Dalam era globalisasi yang semakin mencabar dan perkembangan teknologi baharu berasaskan Revolusi Industri 4.0, risiko dan ancaman terhadap keselamatan negara kini menjadi semakin kompleks dan merentasi sempadan. Senario ini memerlukan penglibatan semua pihak bersama-sama kerajaan untuk menghadapi dan menangani isu serta cabaran keselamatan semasa. Hubungan kerjasama erat di antara kerajaan dan masyarakat amat diperlukan selaras dengan tema Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) iaitu “Keselamatan dan Ketenteraman Awam: Tanggungjawab Bersama”.

Akhir kata, saya ingin menzahirkan setinggi penghargaan kepada YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia di atas sokongan dalam penyediaan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) ini. Tahniah dan terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam merangka dasar ini.

Wassalam.



Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin

# PERUTUSAN

YBHG. TAN SRI ALWI BIN HJ. IBRAHIM  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI



**“ANTARA FOKUS YANG DILIPUTI DI DALAM TERAS DAN STRATEGI TERSEBUT IALAH KEPERLUAN MEMPERTAHANKAN DAN MENJUNJUNG PERLEMBAGAAN DAN INSTITUSI UTAMA NEGARA; MENINGKATKAN TADBIR URUS DAN INTEGRITI; MEMPERKUKUHKAN KAWALAN KESELAMATAN SEMPADAN NEGARA DAN MEMERANGI GEJALA DADAH.”**



**Bismillahirrahmannirrahim**  
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**  
**Salam Sejahtera**


Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izinNya jua, Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) ini dapat dirangka dalam suasana negara yang aman dan makmur.

Penyediaan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) sebagai dasar bersepadu adalah penting sebagai garis panduan perancangan dan pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti yang menjurus kepada usaha memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terus terpelihara. Dasar ini telah dirangka dengan penglibatan oleh para pemegang taruh dari pelbagai kementerian dan agensi kerajaan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) melalui beberapa siri libat urus dan mesyuarat berkala. Dalam hal ini, input dan maklumbalas berhubung aspirasi dan harapan yang digariskan dalam pelbagai dokumen kerajaan semasa turut diambil kira.

Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) dirangka mengandungi 6 teras dan 21 strategi utama. Antara fokus yang diliputi di dalam teras dan strategi tersebut ialah keperluan mempertahankan dan menjunjung Perlembagaan dan institusi utama negara; meningkatkan tadbir urus dan integriti; memperkukuhkan kawalan keselamatan sempadan negara dan memerangi gejala dadah. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan dasar, program dan aktiviti berkenaan, mekanisme pemantauan terdiri daripada Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja diwujudkan.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih, tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat, termasuk warga Kementerian Dalam Negeri dan Agensi serta wakil dari pelbagai kementerian dan agensi di luar KDN yang sama-sama menyumbang dan menjayakan penggubalan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) ini.

Sekian terima kasih.



Tan Sri Alwi bin Hj. Ibrahim

Memastikan Keselamatan dan Keamanan Dalam Negara Terjamin dan Kesejahteraan Rakyat Terpelihara



MISI

## VISI, MISI DAN TERAS KEMENTERIAN DALAM NEGERI



VISI

Peneraju Keselamatan dan Keamanan Dalam Negeri



OBJEKTIF

- Integriti
- Kualiti
- Inovasi
- Profesionalisme
- *Esprit de Corps*

## PENGENALAN

YTM Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj dalam Pemasyhuran Kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957 menyatakan bahawa “negara kita ini akan kekal menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat serta berdasarkan kebebasan dan keadilan dan sentiasa menjaga dan mengutamakan kesejahteraan dan kesentosaan rakyatnya dan mengekalkan keamanan antara segala bangsa.”

Oleh itu, sejak peringkat awal pasca kemerdekaan, usaha memastikan negara bebas daripada anasir yang tidak diingini termasuk ancaman ideologi ekstremisme merupakan antara agenda utama. Pada masa ini, kesan globalisasi dan perubahan dinamik dalam pelbagai aspek, termasuk teknologi dan telekomunikasi mengakibatkan ancaman serta cabaran dalam sektor keselamatan adalah lebih sukar kerana ianya tidak lagi bersifat konvensional, merentas sempadan dan bersifat lebih kompleks. Justeru, penglibatan pelbagai pihak termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak industri untuk bersama-sama membanteras jenayah dan menghindarkan anasir-anasir negatif daripada berleluasa adalah penting dalam memelihara keselamatan dan ketenteraman awam.

Secara amnya, aspek keselamatan di negara ini meliputi dua elemen bersifat sektoral iaitu keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri (KDN) manakala pertahanan negara pula di bawah tanggungjawab Kementerian Pertahanan (MINDEF). Kedua-dua elemen sektoral tersebut pula dipayungi secara keseluruhannya oleh Dasar Keselamatan Negara yang diterajui dan diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) yang meliputi 6 teras dan 21 strategi dirangka dengan tumpuan bagi menangani isu dan cabaran utama keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam dengan penglibatan bersepadu semua pihak yang terlibat. Ia seharusnya menjadi garis panduan dalam usaha menangani risiko dan ancaman yang boleh mengganggu gugat keselamatan, keamanan dan kesejahteraan negara.



# TEMA

**Dasar Keselamatan  
dan Ketenteraman Awam**



## **Keselamatan dan Ketenteraman Awam: Tanggungjawab Bersama**



Tema ini dipilih berdasarkan keperluan bahawa usaha memelihara keselamatan dan ketenteraman awam di negara ini merupakan sebuah tanggungjawab yang perlu dilakukan secara bersama-sama dan kolektif oleh setiap warganegara Malaysia. Usaha mencegah jenayah, risiko dan ancaman keselamatan tidak hanya terletak di bahu agensi kerajaan semata-mata. Sebaliknya penglibatan semua pihak samada swasta, badan bukan kerajaan, komuniti serta orang perseorangan diperlukan sebagai rakan strategik pihak kerajaan dalam menyalurkan maklumat, melakukan khidmat kesukarelawan, menzahirkan integriti, memperkukuhkan jati diri, memupuk semangat patriotisme dan melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) demi memelihara keselamatan negara.

Hasrat pertanggungjawaban bersama mampu direalisasikan melalui pelbagai program dan aktiviti yang akan dijalankan oleh semua pihak berasaskan kepada semangat, teras serta strategi yang terkandung di dalam Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam ini.

## **ILTIZAM**

Bahawasanya Malaysia adalah sebuah negara yang merdeka, bebas dan berdaulat, mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan sebagai teras pemerintahan negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Bahawasanya Malaysia sebagai sebuah negara berbilang etnik, agama dan budaya sentiasa berusaha memupuk perpaduan dan integrasi nasional berlandaskan prinsip Rukun Negara demi memelihara keharmonian, keamanan dan kesejahteraan rakyat.

Bahawasanya risiko dan ancaman keselamatan di era globalisasi dan dunia tanpa sempadan yang semakin kompleks memerlukan pendekatan komprehensif, strategik dan holistik demi melindungi kedaulatan, kemerdekaan, ketenteraman awam serta segala kepentingan negara.

Bahawasanya tanggungjawab menjaga keselamatan dan ketenteraman awam di negara ini memerlukan penglibatan dan komitmen semua pihak untuk sama-sama berganding bahu dalam memastikan negara kekal selamat, aman, sejahtera dan kemakmuran dapat dinikmati bersama.

Maka, Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) dirangka bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **MATLAMAT**

Memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang berdaulat, aman, makmur dan dihormati di persada dunia dengan rakyatnya bersatu padu serta berupaya mempertahankan kepentingan nasional.

Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) bertunjangkan kepada enam (6) teras berikut:



# TERAS

# 1

## **Mempertahankan Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang dan Institusi Utama Negara**



Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi di Malaysia yang menjamin kedaulatan negara selain menjadi garis panduan kepada penggubalan undang-undang. Perlembagaan Persekutuan juga menggariskan peruntukan berhubung dengan amalan Sistem Raja Berperlembagaan berteraskan institusi Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dan Demokrasi Berparlimen yang merangkumi Badan Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman. Semua perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan termasuk Islam sebagai agama Persekutuan, kebebasan mengamalkan agama lain, keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak, pengiktirafan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, serta kedudukan istimewa Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia juga perlu difahami dan dihormati. Sesungguhnya, keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan keutuhan institusi-institusi utama negara perlu sentiasa dihayati oleh semua lapisan masyarakat agar ketenteraman awam, keharmonian dan kestabilan negara terus terpelihara.





# STRATEGI



1

## **Menjunjung, Melindungi dan Mempertahankan Perlembagaan Persekutuan, Institusi Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja**

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara di peringkat Persekutuan dan Raja-Raja Melayu sebagai Ketua Negeri, ketua agama dan adat istiadat Melayu di negeri-negeri. Hak-hak keistimewaan dan bidang kuasa YDPA dan Raja-Raja Melayu perlu sentiasa dipelihara dan dihormati pada setiap masa sepertimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.



2

## **Melindungi dan Mempertahankan Badan Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman**

Pentadbiran negara adalah berasaskan konsep pengasingan kuasa Badan Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman. Setiap badan menjalankan fungsi dan peranan yang berbeza serta melaksanakan semak dan imbang (*check and balance*) antara satu sama lain. Kewujudan dan keutuhan ketiga-tiga badan tersebut wajar dipertahankan bagi memastikan sistem pentadbiran kerajaan berjalan secara teratur.

# TERAS

# 2

## **Meningkatkan Tadbir Urus dan Integriti Agensi Penguatkuasaan Keselamatan**



Agensi penguatkuasaan keselamatan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia berperanan memastikan aspek keselamatan dan ketenteraman awam terjamin. Usaha berterusan perlu sentiasa dilaksanakan bagi meningkatkan tadbir urus termasuk sistem penyampaian perkhidmatan, akauntabiliti dan integriti serta pematuhan terhadap undang-undang. Penguatan tadbir urus membolehkan agensi penguatkuasaan keselamatan menyampaikan perkhidmatan secara telus, cekap, berkesan dan memenuhi harapan pemegang taruh.



# STRATEGI



1

## **Meningkatkan Keberkesanan Tadbir Urus Keselamatan dan Ketenteraman Awam Termasuk Menambah Baik Proses Semak dan Imbang**

Aspek keberkesanan tadbir urus agensi penguatkuasaan wajar diberi penekanan bagi memenuhi ekspektasi pelanggan. Langkah-langkah wajar perlu diambil bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan dan proses semak dan imbang. Di samping itu, inisiatif bagi meningkatkan kerjasama strategik di antara agensi-agensi penguatkuasaan perlu diperkukuhkan.

2

## **Mengukuhkan Jati Diri dan Integriti melalui Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Kalangan Warga Agensi Penguatkuasaan**

Prinsip bersih, cekap dan amanah perlu diterapkan dalam kalangan warga agensi penguatkuasaan bagi memperkukuhkan nilai integriti, ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang baik. Usaha-usaha penerapan nilai murni secara berterusan akan mengukuhkan jati diri dan integriti dalam kalangan warga agensi penguatkuasaan serta memastikan keselamatan negara tidak dikompromi.

3

## **Meningkatkan dan Menambahbaik Aset-aset Keselamatan dengan Menggunapakai Teknologi Terkini**

Kemajuan teknologi terkini di era Revolusi Industri 4.0 dijangka memberi kesan kepada senario dan lanskap keselamatan di peringkat tempatan mahupun global. Justeru, pengukuhan keupayaan dan kapasiti agensi keselamatan perlu diberi keutamaan. Agensi keselamatan wajar dilengkapi dengan infrastruktur yang sesuai dan peralatan terkini bagi membantu usaha penguatkuasaan undang-undang dan pencegahan jenayah secara cekap dan berkesan. Usaha-usaha ini tidak sahaja akan meningkatkan kecekapan anggota penguatkuasaan keselamatan tetapi akan juga menambah baik persepsi awam terhadap persekitaran keselamatan.

4

## **Meningkatkan Profesionalisme dan Kompetensi Modal Insan Warga Agensi Penguatkuasaan Keselamatan**

Dalam menghadapi cabaran keselamatan yang semakin kompleks, warga agensi penguatkuasaan keselamatan perlu meningkatkan keupayaan, kemahiran dan pengetahuan. Mereka juga perlu bersiap siaga pada setiap masa bagi menghadapi sebarang risiko yang tidak dijangka. Tumpuan perlu diberi kepada usaha untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan kompetensi modal insan warga agensi penguatkuasaan keselamatan.

# TERAS

# 3

**Memperkukuhkan Keselamatan Kawalan Sempadan Negara**

“

Kemakmuran dan kestabilan Malaysia telah menjadi faktor penarik kepada kemasukan ramai warga asing ke negara ini termasuk secara tidak sah. Akibatnya, negara mengalami kebanjiran pendatang asing tanpa izin dan juga risiko penyeludupan barang-barang kawalan di sempadan. Justeru, kawalan keselamatan sempadan negara perlu diperkukuhkan melalui peningkatan pengawasan sempadan termasuk penggunaan teknologi dan peralatan terkini. Selain itu, kawalan di pintu masuk negara akan dipertingkatkan dengan kerjasama bersepadu semua agensi kerajaan berkenaan.

”

# STRATEGI



1

## **Meningkatkan Kawalan dan Pengawasan Sempadan Secara Bersepadu dan Berterusan**

Bagi mengelakkan masalah kebocoran dan penyeludupan, kawalan sempadan negara perlu dipertingkatkan. Usaha perlu dipergiat bagi meningkatkan kawalan dan pengawasan sempadan secara bersepadu dan berterusan. Antara langkah yang perlu diambil ialah dengan menambah baik infrastruktur, meningkatkan penggunaan teknologi selain memperkukuhkan penguatkuasaan antara agensi secara lebih bersepadu.



2

## **Memperkasakan Keupayaan Perisikan dan Penguatkuasaan Jenayah Rentas Sempadan**

Jenayah rentas sempadan seperti pencerobohan, penyeludupan dan pemerdagangan manusia memberi impak jangka panjang yang boleh menggugat kedaulatan dan keselamatan negara. Isu ini sekiranya tidak dibendung akan menjejaskan imej negara di mata dunia dan meningkatkan risiko keselamatan. Kawalan sempadan negara perlu diperkukuhkan termasuk melalui peningkatan keupayaan dan perkongsian perisikan yang boleh membantu memantapkan pemantauan, pengawasan dan penguatkuasaan secara lebih efektif.



3

## **Memperkukuhkan Penguatkuasaan Undang-undang Keselamatan Sempadan Negara**

Undang-undang berkaitan keselamatan sempadan negara digubal bagi mengawal segala aktiviti di pintu masuk dan sempadan negara. Penguatkuasaan undang-undang keselamatan sempadan perlu sentiasa diperkukuh dan ditambah baik termasuk menilai semula keperluan infrastruktur, aset dan anggota penguatkuasa berdasarkan kesesuaian.



4

## **Mewujudkan Sistem Pengurusan Warga Asing yang Menyeluruh**

Sistem pengurusan warga asing sewajarnya bercirikan sistem yang bersepadu, kurang berisiko untuk dikompromi dan kompetitif dari segi kos. Sistem yang komprehensif dan berintegriti berasaskan teknologi terkini amat penting bagi memastikan pengurusan warga asing yang cekap, telus dan berkesan.

# TERAS

# 4

## Menjamin Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Aspek keselamatan dan ketenteraman awam perlu sentiasa dipelihara bagi memastikan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat yang lebih baik. Usaha-usaha pencegahan, pambanteras dan penguatkuasaan keselamatan perlu dilaksanakan secara adil dan saksama berdasarkan kedaulatan undang-undang. Sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan di setiap peringkat juga wajar ditambah baik demi kepuasan pelanggan. Penglibatan semua pihak dalam hal ini adalah kritikal bagi memastikan kemakmuran dan keharmonian kehidupan bermasyarakat tercapai.

# STRATEGI



1

## **Menangani Jenayah, Ekstremisme, Keganasan, Aktiviti Espionaj dan Jenayah Siber**

Langkah membanteras jenayah, ekstremisme, keganasan, aktiviti espionaj dan jenayah siber melalui pelbagai program yang bersesuaian secara bersepadu perlu dilaksanakan mengikut senario ancaman keselamatan semasa. Penglibatan sektor swasta dan orang awam adalah kritikal untuk bersama-sama ke arah usaha pencegahan jenayah sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial bagi mewujudkan persekitaran yang lebih selamat.

2

## **Membanteras Penyebaran Elemen, Fahaman dan Gerakan yang Bercanggah dengan Sosiobudaya Tempatan dan Mengancam Ketenteraman Awam serta Perpaduan Nasional**

Sebagai sebuah negara majmuk terdiri daripada pelbagai bangsa, budaya dan agama, perpaduan nasional merupakan prasyarat kritikal kepada kemakmuran negara. Penyebaran elemen, fahaman dan gerakan yang bercanggah dengan sosiobudaya tempatan dan mengancam ketenteraman awam serta perpaduan nasional wajar dibendung demi kesejahteraan bersama.

3

## **Meningkatkan Keberkesanan Program Rehabilitasi dan Koreksional Jenayah**

Sistem kepenjaraan di negara ini telah berkembang daripada konsep menghukum kepada konsep rehabilitasi dan koreksional jenayah. Penjara kini merupakan institusi pembangunan atau pembentukan semula insan dengan memberi tumpuan kepada aspek pembangunan kemahiran termasuk dengan penglibatan komuniti dan industri.

# STRATEGI

## **Memastikan Aktiviti Persatuan, Pertubuhan dan Kesatuan adalah Teratur Mengikut Undang-undang yang Ditetapkan**

Pertumbuhan dan perkembangan pertubuhan perlu dipantau supaya ianya sihat, teratur dan tidak bercanggah dengan kehendak-kehendak keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam dan sosiobudaya tempatan. Usaha-usaha berterusan perlu dilaksanakan bagi memupuk semangat berpersatuan ke arah kesejahteraan komuniti termasuk dalam aspek meningkatkan tahap keselamatan setempat.



4

## **Memastikan Rekod Pendaftaran Warganegara dan Penduduk Sentiasa Dikemaskini dan Teratur**

Sistem pendaftaran rekod pengenalan diri penduduk yang teratur, komprehensif, tepat dan terkini dapat membantu pihak kerajaan dalam menggubal dasar, merancang dan melaksanakan program pembangunan yang lebih tersusun serta efektif. Inisiatif berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan pengurusan rekod pengenalan diri yang sah dan terpelihara demi keselamatan negara.



5



# STRATEGI



6

## **Memupuk Jati Diri, Semangat Patriotisme, dan Kesukarelawan dalam Kalangan Rakyat**

Nilai etika dan moral yang teguh adalah penting dalam membina masyarakat yang progresif dan bersatu padu. Ciri-ciri unggul dalam 5 prinsip Rukun Negara khususnya penghayatan beragama dan penerapan nilai-nilai murni wajar terus dipupuk sebagai asas pembangunan masyarakat yang berperibadi unggul, prihatin dan patriotik.



7

## **Melaksanakan Tugas Mencari dan Menyelamat**

Operasi mencari dan menyelamat dijalankan tanpa mengira lokasi dan keadaan semasa yang mencabar samada di kawasan maritim mahupun di darat. Pelaksanaan operasi mencari dan menyelamat yang berkesan mampu menyelamatkan nyawa dan harta benda awam serta menjamin ketenteraman masyarakat.

# TERAS

# 5

## Memerangi Gejala Dadah



Gejala penyalahgunaan dadah masih lagi merupakan musuh utama negara. Masalah ini bertambah kompleks dengan kemunculan dadah sintetik baharu yang lebih mudah dihasil dan diedarkan. Usaha berterusan bagi menangani gejala dadah perlu dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada pendekatan komprehensif dan seimbang melalui kaedah pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan, penguatkuasaan undang-undang, pelaksanaan hukuman, pengurangan kemudaratan dan kerjasama strategik bersama pelbagai pihak berkaitan.



# STRATEGI



1

## **Mengurangkan Penawaran Dadah melalui Penguatkuasaan Undang-undang dan Kerjasama Antarabangsa**

Masalah penyeludupan, pengedaran, penyalahgunaan dan penagihan dadah bukan merupakan masalah domestik semata-mata tetapi isu bersifat global yang merentas sempadan. Pelbagai pihak perlu bekerjasama membanteras penawaran dan pengedaran dadah termasuk melalui kerjasama pihak antarabangsa.



2

## **Mengurangkan Permintaan Dadah dan Gejala Sosial melalui Kaedah Pendidikan Pencegahan, Rawatan dan Pemulihan, Penguatkuasaan dan Kerjasama Strategik**

Penyalahgunaan dadah memberi kesan langsung kepada kesihatan penagih dan mendatangkan kemudaratan terhadap keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran ahli keluarga, komuniti mahupun negara. Oleh itu, usaha mengurangkan penyalahgunaan dadah melalui pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan serta penguatkuasaan dan kerjasama strategik yang mantap dan berkesan mampu menangani gejala penyalahgunaan dadah ini.

# TERAS

# 6

## Melindungi Aset dan Sasaran Penting Negara

“

Negara perlu mengawal dan melindungi aset-aset strategik dan sasaran penting secara berterusan. Hal ini bagi memastikan keselamatan aset dan sasaran penting negara seterusnya menjamin kesinambungan perkhidmatan perlu. Aspek keselamatan ini tidak wajar dikompromi supaya tidak menjejaskan kelangsungan sistem pentadbiran Kerajaan dan negara.

”

# STRATEGI

**1**

## **Meningkatkan Kawalan, Perlindungan dan Penyelenggaraan Aset, Sumber, Infrastruktur Kritikal serta Sasaran Penting**

Aset dan infrastruktur kritikal berisiko menjadi sasaran kepada perbuatan sabotaj pihak yang tidak bertanggungjawab. Sebarang kemusnahan atau kerosakan ke atas aset, sumber, infrastruktur dan sasaran penting negara serta pemberhentian perkhidmatan perlu, boleh menggugat kestabilan geopolitik dan kemampuan sosioekonomi negara. Hal ini akan mengakibatkan kerugian yang amat besar kepada ekonomi, pertahanan dan keselamatan negara. Justeru, kawalan keselamatan dan penyelenggaraan secara berterusan amat penting dilaksanakan berdasarkan kepada Arahan Keselamatan yang berkuatkuasa.

**2**

## **Melindungi Maklumat dan Rekod Keselamatan Negara**

Kerahsiaan maklumat dan rekod keselamatan negara yang terperingkat amat penting bagi memastikan pentadbiran dan keselamatan negara terjamin. Kebocoran rahsia dan dokumen terperingkat kepada pihak yang tidak berhak memilikinya atau tidak bertanggungjawab boleh menjejaskan keselamatan negara dan ketenteraman awam. Sistem kawalan rekod yang berintegriti dan cekap dengan menggunakan sistem pengurusan dokumen yang terkini dan canggih berdasarkan Arahan Keselamatan mampu menjamin serta melindungi maklumat dan rekod keselamatan di negara ini.

## PELAKSANAAN DAN PENILAIAN

Dalam melaksanakan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) ini, kerajaan telah mengambil kira piawaian antarabangsa yang berkaitan di samping komitmen yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia di peringkat antarabangsa terhadap kawalan, pengurusan dan pelaksanaan tindakan dari aspek keselamatan dalam negeri serta keselamatan sempadan negara.

Malaysia sentiasa memberi keutamaan kepada segala usaha bagi memastikan aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam serta tindakan pencegahan jenayah diteruskan melalui teras dan strategi yang menjadi panduan kepada pelaksanaan program dan aktiviti. Bagi mencapai objektif dan matlamat dasar ini, penglibatan penuh pihak agensi kerajaan dan semua pihak termasuk sektor swasta, badan bukan kerajaan serta komuniti perlu digerakkan sebagai satu tanggungjawab nasional bersama. Dalam memastikan penglibatan aktif negara di peringkat antarabangsa, kerjasama dua hala dan pelbagai hala dengan negara-negara lain serta organisasi-organisasi antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan agensi-agensi berkaitan lain akan turut dipergiatkan.

Kerajaan Persekutuan akan mewujudkan hubungan kerjasama yang erat dengan Kerajaan Negeri, sektor swasta, badan bukan kerajaan, komuniti dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam memastikan pelaksanaan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) mencapai kejayaan sepertimana yang disasarkan.

Kerajaan mengakui bahawa penilaian dan kajian secara berterusan amat penting bagi menjayakan pelaksanaan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA). Justeru itu, Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama dari pelbagai jabatan dan agensi berkaitan akan menerbitkan laporan secara berkala berkaitan perjalanan dan kemajuan pelaksanaan dasar ini. Bagi melaksanakan pelaporan tersebut, dua (2) mekanisme pemantauan diwujudkan iaitu;

Jawatankuasa Peringkat Tertinggi yang dipengerusikan oleh Menteri Dalam Negeri dengan ahli-ahlinya terdiri daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan; dan Menteri-menteri yang berkaitan; dan

Jawatankuasa Kerja yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan keahlian terdiri daripada Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha KDN, Ketua-ketua Pengarah Agensi-agensi KDN dan wakil kementerian serta agensi lain yang berkaitan.

## PENUTUP

Berpandukan kepada Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan P.U. (A) 132/2019 bertarikh 14 Mei 2019, antara fungsi-fungsi Kementerian Dalam Negeri adalah seperti berikut;

- i. Menggubal dan melaksanakan dasar mengenai keselamatan dan ketenteraman awam;
- ii. Bertanggungjawab untuk memelihara dan mengekalkan ketenteraman awam, kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara;
- iii. Menggubal dan melaksanakan dasar-dasar mengenai isu-isu yang berhubungan dengan kawalan sempadan darat dan maritim, pekerja asing, kewarganegaraan dan taraf penduduk tetap, pendaftaran pertubuhan, kesukarelawanan dan penapisan filem; dan
- iv. Melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasa di bawah akta-akta yang berkaitan dengan keselamatan.

Selaras dengan fungsi-fungsi tersebut, Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) perlu menjadi rujukan penting kepada semua Kementerian, Jabatan dan Agensi serta pihak-pihak yang berkepentingan dalam merangka dan melaksana program dan aktiviti berkaitan usaha pemeliharaan keselamatan dan keamanan negara. Selain itu, semua dasar dan perkara yang berkaitan dengan, atau yang menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam, hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada Kementerian Dalam Negeri. Ini bertujuan untuk membolehkan pemantauan yang lebih menyeluruh, bersepadu dan berkesan dalam isu-isu berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam di negara ini.

DKA